

## SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA & LOGO HALAL MALAYSIA

- 01 Sijil Pengesahan Halal Malaysia dan Logo Halal Malaysia ini tidak boleh diniaga, diberi pinjam, ditukar milik, dipalsukan, disalahgunakan atau dipinda isi kandungannya dengan apa caranya sekalipun.
- 02 Pengguna Sijil Pengesahan Halal Malaysia ini adalah tertakluk kepada semua undang-undang atau peraturan yang berkaitan yang diamalkan di Negara ini.  
  
Sebarang perubahan ke atas nama dan alamat syarikat, kilang/ premis, jenama produk, bahan ramuan, pengeluaran-pengeluarannya dan yang berkaitan dengannya, hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Pengurusan Halal Johor untuk tindakan selanjutnya.
- 03 Pemegang sijil adalah bertanggungjawab ke atas apa-apa penyalangunaan atau penyelewengan sijil tersebut tertakluk kepada undang-undang yang berkuatkuasa.
- 04 Jika berlaku kehilangan atau kerosakan ke atas sijil berkenaan, pemilik hendaklah membuat laporan polis dan memberitahu secara bertulis dengan segera kepada Bahagian Pengurusan Halal Johor.
- 05 Sijil Pengesahan Halal boleh digantung atau ditarik balik pada bila-bila masa apabila didapati ianya tidak mematuhi Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia atau terdapat perkara yang menyalahi dari segi hukum syarak serta diragui kesuciannya
- 06 Tidak dibenarkan mempamerkan Sijil Pengesahan Halal (salinan) Syarikat hendaklah mempamerkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (asli)  
  
Bagi syarikat yang telah memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia, dibenarkan menggunakan Logo Halal Malaysia ke atas produk atau premis berkenaan. Penggunaan pelekat logo perlu disertakan dengan Nombor Rujukan Sijil.

## CONTOH SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA & LOGO HALAL MALAYSIA



CONTOH PELEKAT LOGO  
SPHM BAGI PRODUK



MS 1500 : 2009  
X XXX-XX/XXXX

- ✓ No. Standard
- ✓ No. Rujukan Syarikat



JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

## PERMOHONAN SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA & LOGO HALAL MALAYSIA



BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL  
ARAS 1, BLOK A, PUSAT ISLAM ISKANDAR JOHOR  
JALAN MASJID ABU BAKAR, KARUNG BERKUNCI 725,  
80990 JOHOR BAHRU, JOHOR.  
Tel : 07-2076360  
Email : [Pengurusanhalaljohor@gmail.com](mailto:Pengurusanhalaljohor@gmail.com)

## PERMOHONAN MYeHALAL

[www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my)

[sistem.halal.gov.my/myehalal/pemohon](http://sistem.halal.gov.my/myehalal/pemohon)

### Sistem Pensijilan Halal Malaysia

#### Sistem MYeHALAL

Sila masukkan no. pendaftaran syarikat anda.  
(Please key in your company registration number.)

ID :

Katalaluan :

LOGIN

PENDAFTARAN AKAUN SYARIKAT

LUPA KATA LALUAN?

UNTUK  
LOG MASUK KALI  
PERTAMA, ID &  
KATA LALUAN  
ADALAH NOMBOR  
PENDAFTARAN  
SYARIKAT  
(SSM)

## PROSES PEMBERIAN SIJIL PENGESEHAN HALAL MALAYSIA

### MULA

#### PEMOHON HANTAR PERMOHONAN SECARA ONLINE

- Penerimaan permohonan oleh sistem MYeHALAL
- Penerimaan dokumen sokongan

Tidak Lengkap

Semakan Permohonan Dan Audit Dokumen

Tindakan Pembetulan

Lengkap

Pengeluaran Surat Caj  
Penerimaan Bayaran  
Penjadualan Audit

Laporan  
ketidakakuran (NCR)

Audit Lapangan

Analisis Makmal

Tindakan Pembetulan

Lengkap

Laporan Audit

Gagal

Semakan Permohonan Dan Audit Dokumen

Surat Makluman

Lulus

Pengeluaran Sijil Pengesehan Halal Malaysia

### TAMAT

## SKIM INDUSTRI PENGELUAR PRODUK

| INDUSTRI      | CIRI-CIRI                                                               | KADAR BAYARAN<br>SETAHUN (RM) |
|---------------|-------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| MIKRO         | Nilai perolehan tahunan kurang dari RM300,000.00                        | 100                           |
| KECIL         | Nilai perolehan tahunan dari RM 300,000.00 hingga kurang dari RM15 juta | 400                           |
| SEDERHANA     | Nilai perolehan tahunan dari RM 15 juta hingga RM50 juta                | 700                           |
| MULTINASIONAL | Nilai perolehan tahunan melebihi RM 50 juta                             | 1000                          |

## SKIM PREMIS MAKANAN HOTEL (DAPUR/RESTORAN)

| KATEGORI               | KADAR BAYARAN SETAHUN (RM)<br>SETIAP TAHUN |
|------------------------|--------------------------------------------|
| 4 BINTANG DAN KE ATAS  | 500                                        |
| 3 BINTANG DAN KE BAWAH | 200                                        |

## SKIM PREMIS MAKANAN (KATERING/KHIDMAT PENYAJIAN) MAKANAN/DAPUR

| INDUSTRI  | CIRI-CIRI                                                              | KADAR BAYARAN<br>SETAHUN (RM) |
|-----------|------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| KECIL     | Nilai perolehan tahunan kurang dari RM500,000.00                       | 100                           |
| SEDERHANA | Nilai perolehan tahunan dari RM 500,000.00 hingga kurang dari RM5 juta | 400                           |
| BESAR     | Nilai perolehan tahunan melebihi RM5 juta                              | 700                           |

## SKIM RUMAH SEMBELIHAN

| SAIZ PREMIS | JENIS HAIWAN                              | PENGELUARAN HARIAN                                             | KADAR BAYARAN<br>SETAHUN (RM) |
|-------------|-------------------------------------------|----------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| KECIL       | AYAM<br>KAMBING/BIRI-BIRI<br>LEMBU/KERBAU | 1-2,999 EKOR<br>1-499 EKOR<br>1-49 EKOR                        | 100                           |
| SEDERHANA   | AYAM<br>KAMBING/BIRI-BIRI<br>LEMBU/KERBAU | 3,000-10,000 EKOR<br>500-700 EKOR<br>50-100 EKOR               | 400                           |
| BESAR       | AYAM<br>KAMBING/BIRI-BIRI<br>LEMBU/KERBAU | MELEBIHI 10,000 EKOR<br>MELEBIHI 700 EKOR<br>MELEBIHI 100 EKOR | 700                           |

## PENGENALAN

Sistem MYeHALAL mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2011, manakala Jabatan Agama Islam Negeri Johor mula menggunakan sistem ini pada awal Oktober 2011 bagi menggantikan permohonan secara manual. Sistem MYeHALAL ini menyediakan perkhidmatan yang lebih efektif.

Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) bertanggungjawab untuk mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal dan Logo Halal kepada pengusaha produk makanan dan barang guna orang islam, premis makanan dan rumah sembelihan yang berada di Negeri Johor dan hasil produk untuk dipasarkan dalam Malaysia atau luar negara.

Pengeluaran Sijil Pengesahan Halal adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap Garis Panduan Pengeluaran makanan, minuman dan barang guna orang Islam dan Prosedur Pensijilan Halal Malaysia.

## SKIM PENSIJILAN HALAL MALAYSIA

- **PRODUK MAKANAN/MINUMAN/MAKANAN TAMBAHAN**
- **PREMIS MAKANAN/RESTORAN/DAPUR HOTEL/KATERING**
- **KOSMETIK DAN DANDANAN DIRI**
- **PRODUK PERANTI PERUBATAN**
- **PENGILANGAN KONTRAK / OEM**
- **RUMAH SEMBELIHAN**
- **BARANG GUNAAN**
- **FARMASEUTIKAL**
- **LOGISTIK**
- **PENGILANGAN KONTRAK / OEM**

## PERMOHONAN YANG LAYAK

01

Pengeluaran Pengilangan Produk  
(Manufacture/Procedure)

02

Pengeluaran Sub-kontrak  
(Sub-contract Manufacturer)

03

Pengusaha Pembungkusan Semula  
(Repacking)

04

Pengusaha Premis Makanan  
(Food Premise)

05

Pengusaha Rumah Sembelihan  
(Abattoir/Slaughter House)

## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

PERMOHONAN ATAU PEGILANG HENDAKLAH :

- Berdaftar dengan Suruhjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Suruhanjaya Koperasi Malaysia / lain-lain agensi kerajaan
- Mempunyai lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Surat akuan agensi kerajaan
- Beroperasi sepenuhnya terlebih dahulu sebelum permohonan dibuat atau produk telah pun melepasi proses penyelidikan dan pembungkuan (R&D)
- Mengeluar dan/ atau mengendalikan produk halal sahaja serta mematuhi standard halal yang ditetapkan
- Memastikan sumber bahan ramuan adalah halal dan memilih pembekal yang membekalkan bahan-bahan halal
- halal atau mempunyai sijil pengesahan halal yang diiktiraf
- Memohon semua jenis produk/menu yang dikeluarkan di kilang/ premis berkenaan
- Permohonan bagi pembungkusan semula (repacking) hendaklah mengemukakan sijil halal yang diiktiraf bagi produk tersebut
- Permohonan Yang Tidak layak Memohon Halal :

- ✓ Produk dan menu yang tidak halal
- ✓ Syarikat yang keluar dan / mengedar produk halal dan tidak halal (termasuklah perkhidmatan penghantaran makanan)
- ✓ Penggunaan jenama yang sama bagi produk atau perkhidmatan halal dan tidak halal (tertakluk kepada pemakaian di Malaysia)
- ✓ Produk atau perkhidmatan yang tidak memiliki standard aray garis panduan untuk dijadikan rujukan
- ✓ Produk atau premis makanan yang memberi implikasi negatif terhadap agama dan sosial seperti dadah, shisha, rokok, pewarna rambut, pewarna kuku, pusat karaoke, pusat hiburan dan lain-lain
- ✓ Produk semulajadi yang tidak diproses, tidak diubahsuai serta tiada pembungkusan dan pelabelan digunakan seperti ikan segar, sayur-sayuran segar dan seumpama dengannya:
- ✓ Penggunaan nama syarikat, produk, menu dan jenama yang merujuk kepada tidak halal atau sinonim atau menyerupai dengan produk tidak halal atau apa-apa istilah mengelirukan seperti ham, bak kut teh, bacon, beer, hot dog, char siew dan seumpama dengannya: (Rujuk Lampiran A)
- ✓ Produk siap dalam dan luar negara yang dilabel semula tanpa menjalani sebarang proses di Malaysia
- ✓ Premis makanan yang menyediakan menu yang tidak halal
- ✓ Premis di peringkat awal penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang masih belum sedia dikomersialkan
- ✓ Produk menu dan perkhidmatan yang boleh membawa kepada penyeleweng akidah, pekara khurafat dan penipuan Hotel yang mempunyai dapur yang menyediakan atau menyajikan menu berasaskan babi
- ✓ Produk yang tiada keperluan untuk dipersijilkan halal dan/atau boleh menimbulkan kekeliruan sekiranya dipersijilkan halal seperti baja, kertas, simen, jubin, racun serangga, permaidani dan lain-lain

## CARA MEMOHON SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA

1. Layari laman web MYHALAL-<http://apps.halal.gov.my>
2. Daftar online-wujudkan ID dan katalaluan
3. Sahkan akaun - 24Jam @ 1hari
4. Penghantaran dokumen sokongan dalam tempoh 5 hari bekerja selepas permohonan online dihantar ke alamat berikut

**Baghia Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Negeri Johor,  
Aras 1, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar,  
Karung Berkunci 725, 80990 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim  
Tel : 07-2282943 Faks : 07-2276041**

5. Setelah dokumen di terima, status permohonan akan bertukar kepada menunggu dokumen lengkap
6. Semakan - jika dokumen lengkap, permohonan boleh diproses dalam tempoh 1-5 hari bekerja mengikut jumlah produk/ Menu /Premis, Surat caj akan dikeluarkan, jika dokumen tidak lengkap, status akan bertukar kepada tidak lengkap dan pihak pemohon perlu menghantar pembetulan atau maklumbalas dalam tempoh 5 hari bekerja
7. Caj pemprosesan perlu dibayar dalam tempoh 14 hari bekerja (Sila rujuk jadual 1,2,dan 5)
8. Resit akan dikeluarkan dalam tempoh 1 hari selepas diterima
9. Status akan bertukar ke proses audit, Audit akan dijalankan dalam tempoh 30 hari selepas bayaran diterima (Pengauditan audit di lapangan)
10. Laporan audit disediakan
11. Kelulusan panel pada Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Johor (MPPHJ)
12. Proses kelulusan mengikut tarikh mesyuarat Panel Pensijilan dijalankan
13. Jika diluluskan sijil akan dikeluarkan dalam tempoh 5 hari bekerja, Jika gagal, pihak pemohon akan dimaklumkan melalui surat rasmi (Sijil Pengesahan Halal ini diberi untuk tempoh dua (2) tahun)
14. Bayaran fi jelaskan dalam 14 hari bekerja setelah menerima bayaran
15. Bayaran fi menyebabkan permohonan ditelan
16. Sebarang penambahan tidak dibenarkan setelah bayaran fi dilaksanakan
17. Pengauditan dijalankan

## PROSES PERMOHONAN HALAL & PEMBAHARUAN SIJIL

- Permohonan hendaklah menyediakan fail khas syarikat "FAIL PENGESAHAN HALAL NEGERI JOHOR" bagi menyimpan semua dokumen berkaitan dengan permohonan, supaya mudah untuk dirujuk apabila pemeriksaan dijalankan ke atas premis tersebut.
- Permohonan pembaharuan Sijil Halal hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya (6) Enam bulan sebelum tarikh tamat sijil sedia ada beserta dengan barang permohonan serta salinan dokumen yang lengkap
- Permohonan pembaharuan sijil pengesahan halal yang telah tamat tempoh sah lakunya akan ditolak untuk urusan pembaharuan sijil halal tetapi permohonan diklasifikasikan sebagai permohonan baru
- Syarikat yang memohon halal perlu melantik Eksekutif Halal bagi mengurus segala keperluan yang berkaitan halal, bagi syarikat industri kecil sederhana (IKS) dan Multinasional Industri (MN) perlu menubuhkan Komu

## DOKUMEN BERKENAAN YANG PERLU DIHANTAR UNTUK SEMAKAN

1. Cetak semua borang permohonan syarikat di dalam Sistem MYeHALA
2. Salinan Sijil Pengesahan Halal bahan yang masih sah (Sijil pengesahan Halal Malaysia atau Sijil Badan Islam Luar Negara yang masih diiktiraf) ATAU salinan spesifikasi bahan mentah yang mengandungi maklumat lengkap mengenai sumber bahan termasuk bahan bantuan pemprosesan '*processing aids*' dan carta alir pemprosesan. Salinan dokumen yang dilampirkan tersebut mestilah ditandatangani dan disahkan oleh Eksekutif Halal yang diberi kuasa.
3. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
4. Salinan Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
5. Salinan Penyata Kewangan tahunan syarikat atau pengkelasan bintang (*Star Rating*) untuk permohonan Hotel/Resort
6. Salinan surat perjanjian kontrak pengilangan (OEM)
7. Salinan kad pengenalan dan surat perantikan Eksekutif Halal (Muslim)
8. Salinan kad pengenalan dan surat perantikan **2 orang tenaga kerja muslim warganegara Malaysia** berstatus tetap di bahagian pengeluaran
9. Surat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah Kementerian Kesihatan Malaysia (bagi produk tambahan khasiat makan/minuman)
10. Salinan permit import dari Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia bagi daging/produk berasaskan haiwan. (Jika Berkaitan)
11. Carta alir proses produk
12. Label pembungkusan/graphic artwork bagi produk yang akan disahkan halal
13. Peta lokasi ke kilang / premis.
14. Pelan Susun Atur Kilang (Layout)

## DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN SEMASA PEMERIKSAAN DIJALANKAN (AUDIT HALAL)

1. Fail Permohonan halal lengkap
2. Sistem Jaminan (*Anssurans Management System*)
3. Rekod pembelian / Invois
4. Rekod suntikan anti-thypoid
5. Sijil Kursus Pengendali Makanan
6. Rekod Kawalan makluk perosak (*Pest Control*)
7. Rekod Pengilangan Produk